

TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR
SEMPENA CERAMAH

Kukuhkan Etika, Pertahankan Integriti dan Gemilangkan Organisasi.

Bismillahir Rahmannir Rahim
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
Salam Sejahtera
Terimakasih pengacara majlis

Yang Berbahagia
Dato' Abu Kassim bin Mohammed
Timbalan Ketua Pengarah 1, Badan Pencegah Rasuah Malaysia

Yang berusaha
En Abdullah Hj Mohd Said
Pendaftar UMS

Yang berusaha
En Noman Ahmad
Presiden Persatuan Pengurusan Profesional Bukan Akademik UMS (PPUMS)

Barisan exco PPUMS

Dan seterusnya hadirin sekalian

Pertama sekali saya ingin memanjatkan kesyukuran kepada Allah swt kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat saya bersama-sama pada pagi ini dalam majlis ceramah bertajuk "Kukuhkan Etika, Pertahankan Integriti dan Gemilangkan Organisasi" yang akan disampaikan oleh Yang Berbahagia Dato' Abu Kassim bin Mohammed
Timbalan Ketua Pengarah 1, Badan Pencegah Rasuah Malaysia.

Selamat datang ke UMS saya ucapkan kepada Yang Berbahagia Dato.' Saya difahamkan ini merupakan kali pertama Yang Berbahagia Dato' datang ke universiti ini. Justeru pada kesempatan ini saya merakamkan ucapan terima kasih di atas kesudian Yang Berbahagia Dato' menerima undangan Persatuan Pengurusan dan Profesional bukan akademik (PPUMS) dengan kerjasama Pejabat Pendaftar untuk menyampaikan ceramah yang saya pasti amat bermakna untuk dijadikan panduan oleh warga UMS.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada Persatuan Pengurusan dan Profesional bukan akademik terutamanya kepada pihak penganjur iaitu Exco Latihan dan pembangunan kerjaya yang diketuai oleh Cik Kamisah Husin kerana telah bertungkus lumus memastikan ceramah pada hari ini berjalan lancar dan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Hadirin sekalian,
Mengimbau kembali pada tahun 2004 dimana kerajaan menyedari betapa

pentingnya integriti dalam perkhidmatan awam, maka kerajaan telah menggubal dan melaksanakan suatu pelan yang dikenali sebagai Pelan Integriti Nasional (PIN). PIN dilancarkan pada 23 April 2004 iaitu selaras dengan usaha menangani cabaran ke empat Wawasan 2020 iaitu untuk "membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur".

Seorang insan apabila telah dibentuk dengan nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh serta ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur, tidak akan goyah berhadapan dengan cabaran dan dugaan yang mencabar integritinya. Sehubungan dengan itu, UMS juga perlu meletakkan aspek integriti ini sebagai nilai tambah yang utama dalam pengurusan organisasi. Ini secara langsung dapat meningkatkan keyakinan dan kepercayaan masyarakat terhadap organisasi ini.

Setiap warga UMS perlu menjadi contoh dan teladan atau role model kepada masyarakat, apatah lagi kedudukan UMS sebagai Institusi Pengajian Tinggi yang diberi kepercayaan untuk melahirkan modal insan yang bakal menjadi sebahagian daripada masyarakat.

Saya menyeru kepada seluruh warga UMS untuk terus memahami elemen-elemen penting dalam Integriti ini. Setiap daripada individu di UMS ini perlulah sentiasa muhasabah diri dengan meletakkan nilai-nilai murni yang digariskan oleh setiap agama sebagai tunjang kepada setiap pelakuan. Ini bagi memastikan setiap yang dilaksanakan adalah di atas landasan yang betul seperti yang telah digariskan. Saya juga amat mengharapkan agar semua warga UMS sentiasa bekerjasama dalam membina masyarakat yang bersatu padu, berharmoni, berintegriti, bermoral dan beretika serta bertekad menjadikan integriti sebagai suatu budaya yang diamalkan sepanjang masa.

Untuk ke sekian kalinya, saya juga mengharapkan semua yang hadir pada hari ini mengambil sepenuh kesempatan dengan kehadiran Yang Berbahagia Dato' Abu Kassim bin Mohammed

Timbalan Ketua Pengarah 1, Badan Pencegah Rasuah Malaysia, iaitu orang kuat BPR, dalam memantapkan lagi pemahaman istilah integriti dalam merentasi kerja-kerja harian. Mudah-mudahan kita dapat memantapkan lagi pertanggungjawaban melaksanakan kerja yang diamanahkan kepada kita sekaligus dapat menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

Sekali lagi saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' kerana telah sudi hadir bersama kami pada hari ini.

Sekian wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sent from my BlackBerry® wireless device via Vodafone-Celcom Mobile.

From: "norti sirin" <nortisirin@gmail.com>

Date: Mon, 7 Jul 2008 21:43:19 +0800

To: <jackarea2002@yahoo.com>

Subject: speech for 2morrow

dear jak:

mohon semak dan tambah apa2 yang patut

terima kasih

Norti